

400 PELAJAR PARLIMEN LEMBAH PANTAI TERIMA KOMPUTER RIBA 1MALAYSIA

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 11/08/2011 | Author: / HAZ MAM RHM

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Seramai 400 pelajar daripada enam buah sekolah di kawasan Parlimen Lembah Pantai hari ini menerima sumbangan komputer

riba 1Malaysia, satu projek di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata komputer riba itu diberi kepada pelajar kurang berkemampuan dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 sebulan.

"Tujuan pemberian komputer riba ini adalah untuk memastikan semua rakyat, terutamanya pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan, tidak ketinggalan dengan arus pemodenan teknologi maklumat," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan komputer riba tersebut di Pusat Komuniti Lembah Pantai di sini.

Raja Nong Chik berkata ia juga dapat memberi manfaat bukan sahaja daripada

segi pelajaran tetapi juga dapat membantu pelajar menjadi rakyat yang mahir di

bidang teknologi maklumat.

Penerima merupakan pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri

Pantai, SMK Bukit Bandaraya, SMK Dharma, SMK (Perempuan) Methodist, SMK Petaling

dan SMK Bangsar.

-- BERNAMA

HAZ MAM RHM